

## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PENYELIDIK (B.2 EB.3)  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENYELIDIK  
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**


1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut di bawah atau bidang bersesuaian:
  - Kejuruteraan Aeronautik (*Aerospace / Aeronautical Engineering*)
  - Kejuruteraan Bahan (*Materials Engineering*)
  - Kejuruteraan Bio (*Bio Engineering*)
  - Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronik Engineering*)
  - Kejuruteraan Kimia (*Chemical Engineering*)
  - Kejuruteraan Maritim (*Naval Engineering*)
  - Kejuruteraan Mekanikal (*Mechanical Engineering*)
  - Kejuruteraan Mekatronik (*Mechatronics Engineering*)
  - Kejuruteraan Rangkaian Komputer (*Computer Network Engineering*)
  - Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*STEM*)

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi. Berpengetahuan dalam perancangan dan penyelaras projek.
3. Berkemahiran dalam *Information Technology (IT)* seperti *Microsoft Word*, *Microsoft Excel* dan *Microsoft Powerpoint*.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengurus, menyelaras dan memantau perlaksanaan projek-projek Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST) terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan keupayaan pertahanan dan memastikan projek-projek tersebut dilaksanakan dengan sempurna serta mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan;



2. Bertanggungjawab kepada Pegawai Kanan Projek Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dalam projek-projek yang diuruskan oleh P3ST;
3. Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan sistem dalam perolehan dan pengurusan sepanjang hayat keupayaan. Pegawai ini akan dilatih dalam bidang Kejuruteraan Sistem semasa bekerja di P3ST;
4. Menyelidik dan mengenal pasti teknologi-teknologi pertahanan yang terbaru; menyemak dan meneliti tawaran yang diterima dan memberi penilaian / tafsiran dari segi sains dan teknologi;
5. Mengendalikan pengumpulan maklumat mengenai sesuatu produk atau teknologi dan menyumbang kepada proses pemilihan pembekal;
6. Menyelidik dan membuat laporan-laporan projek;
7. Berinteraksi dengan pasukan projek bagi menghalusi dokumen-dokumen keperluan pertahanan;
8. Memastikan hasil projek-projek adalah menepati keperluan pengguna (*user*) atau penaja projek (*project sponsor*);
9. Membantu Pegawai Kanan P3ST dalam memastikan projek perkembangan dan permodernen ketenteraan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan perancangan strategik Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei;
10. Menyumbang kepada penambahbaikan proses yang berterusan dan dasar Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dari semasa ke semasa; dan
11. Melaksanakan tugas-tugas seperti dikehendaki oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi atau Pegawai Kanan P3ST dari semasa ke semasa.